



# PELAN STRATEGIK

## MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

# 2021-2025

MEMPERKUKUH DAYA TAHAN JOHOR BAHRU  
KE ARAH BANDAR RAYA BERTARAF ANTARABANGSA,  
BERBUDAYA DAN LESTARI

Terbitan Majlis Bandaraya Johor Bahru  
Cetakan Pertama: Jun 2021

MBJB



## ISI KANDUNGAN

Kata Alu-Aluan Daripada YAB Menteri Besar Johor	m/s	5
Kata Alu-Aluan Daripada YB Pengerusi Jawatankuasa Pengerusi Dan Kerajaan Tempatan Johor	m/s	6
Kata Alu-Aluan Daripada YB Setiausaha Kerajaan Johor	m/s	7
Kata Alu-Aluan Daripada YBhg Datuk Bandar Johor Bahru	m/s	8
Ringkasan Eksekutif	m/s	9
<b>Bahagian 1</b>		
Pengenalan Kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru		
1.1 Latar Belakang Organisasi		
1.2 Peluasan Kawasan		
1.3 Carta Organisasi		
1.4 Fungsi Dan Peranan		
1.5 Motto		
1.6 Punca Kuasa		
1.7 Pihak Berkepentingan Dan Pelanggan		
	m/s	11



**Bahagian 2**

Senario Persekitaran  
Dan Isu-Isu Strategik

- 2.1 Isu-isu Strategik : Perkhidmatan Perbandaran Yang Efisien
- 2.2 Isu-isu Strategik : Pembangunan Bandar Raya
- 2.3 Isu-isu Strategik : Pembangunan Komuniti
- 2.4 Isu-isu Strategik : Memperkasa Tadbir Urus

m/s **25**

**Bahagian 3**

Hala Tuju Strategik  
Majlis Bandaraya Johor Bahru  
2021-2025

- 3.1 Visi Dan Misi
- 3.2 Nilai Jauhari
- 3.3 Objektif Strategik
- 3.4 Strategi Utama
- 3.5 'House Of Quality'
  - Objektif Strategik 1
  - Objektif Strategik 2
  - Objektif Strategik 3
  - Objektif Strategik 4
  - Objektif Strategik 5
  - Objektif Strategik 6
  - Objektif Strategik 7
- 3.6 Senarai Rujukan Nama Singkatan Jabatan / Bahagian / Unit
- 3.7 Pelan Tindakan Strategik MBBJ 2021 2025
  - Objektif Strategik 1
  - Objektif Strategik 2

m/s **49**



- Objektif Strategik 3
- Objektif Strategik 4
- Objektif Strategik 5
- Objektif Strategik 6
- Objektif Strategik 7

### BAHAGIAN 4

#### Elemen Penentu Kejayaan

1. Komitmen Pengurusan Kepada Tadbir Urus
2. Pembangunan Modal Insan
3. Pengurusan Kewangan
4. Memperkasa Sistem ICT
5. Kolaboratif Bersama Rakan Strategik
6. Pengurusan Risiko

m/s **168**

### BAHAGIAN 5

#### Mekanisme dan Pemantauan

m/s **171**



### YANG AMAT BERHORMAT DATO' HAJI HASNI BIN MOHAMMAD MENTERI BESAR JOHOR



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Makmur Johor.

Pertama sekali bersyukur ke hadrat Allah SWT atas nikmat dan limpah kurnia serta keizinan Nya dokumen **Pelan Strategik Majlis Bandaraya Johor Bahru 2021-2025** berjaya direalisasikan.

Sekalung tahniah kepada seluruh warga Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) atas usaha dan tekad bagi menjayakan sebuah perancangan pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan ( PBT) yang komprehensif ini.

Saya yakin Pelan Strategik MBJB 2021 2025 yang digubal ini dapat bergerak seiring dengan cabaran ekonomi dan pandemik COVID 19 yang turut dihadapi oleh Negeri Johor.

Insya-Allah, dengan komitmen dan kerjasama padu daripada semua pihak kita mampu mendepani cabaran COVID 19 dalam memulihkan ekonomi supaya lebih berdaya tahan dan menghasilkan sinergi tadbir urus yang kuat serta stabil.

Dunia pasca COVID 19 memerlukan strategi baharu bagi menyelesaikan sebarang masalah yang timbul seiring dengan norma baharu kehidupan rakyat.

Semoga MBJB terus bergerak seiring dalam arus pembangunan semasa dan berjaya menyahut seruan kerajaan untuk menjayakan pelbagai inisiatif antaranya Tujuh Ikhtiar Makmur Johor dan Belanjawan Johor 2021.

Kerajaan Negeri Johor komited untuk berkolaborasi dengan PBT seperti MBJB bagi mencari jalan keluar menangani segala cabaran akibat pandemik COVID 19.

Saya menaruh kepercayaan bahawa Pelan Strategik MBJB 2021 2025 yang digubal ini akan menjadi pemacu bagi usaha mentransformasikan pentadbiran MBJB ke tahap yang lebih dinamik responsif dan progresif demi memastikan visi dan misi MBJB tercapai

Sekian,terima kasih.

  
Dato' Haji Hasni bin Mohammad



## KATA ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**  
**PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN JOHOR**



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Ucapan ribuan terima kasih kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru ( kerana sudi memberi ruang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam buku Pelan Strategik Majlis Bandaraya Johor Bahru 2021-2025.

Semua sedia maklum bahawa negara kini sedang berhadapan ancaman penularan COVID 19 Sudah pasti penularan wabak ini membawa pelbagai cabaran baharu kepada rakyat dan memerlukan pendekatan baharu daripada Pihak Berkuasa Tempatan dalam menangani penularan dan memastikan kebajikan warga bandar raya terpelihara. Pada masa yang sama, sebagai sebuah agensi kerajaan yang dekat dengan rakyat Pihak Berkuasa Tempatan kini perlu segera untuk beradaptasi dengan norma baharu dalam menyampaikan perkhidmatan perbandaran terbaik agar kelangsungan pembangunan sosio ekonomi serta kesejahteraan rakyat tidak terus terjejas susulan pandemik ini.

Saya yakin MBBJ mempunyai pengalaman kepakaran serta sumber yang diperlukan bagi melaksanakan transformasi perkhidmatan perbandaran yang amat diperlukan oleh rakyat pasca COVID 19 ini. Apatah lagi kedudukan bandar raya Johor Bahru yang merupakan pintu gerbang selatan tanah air ini memerlukan idea baharu dalam memastikan bandar raya ini kekal berdaya tahan sebagai sebuah bandar raya yang bertaraf antarabangsa berbudaya dan lestari.

Saya mendoakan agar warga kerja MBBJ terus mengekalkan momentum kecemerlangan dalam memberikan perkhidmatan kelas pertama kepada warga bandar raya Johor Bahru.

Sekian, terima kasih

**Haji Ayub bin Jamil**

## KATA ALU-ALUAN



### YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZMI BIN HAJI ROHANI SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Setinggi tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada MBBJ atas penerbitan Pelan Strategik Majlis Bandaraya Johor Bahru 2021-2025 ini. Dewasa kini institusi awam seharusnya lebih kreatif dinamik dan efektif dalam melaksanakan dasar kerajaan serta membantu rakyat lebih lebih lagi dalam mendepani cabaran situasi pandemik COVID 19 yang melanda negara. Sudah pasti situasi yang mencabar ini memerlukan suatu tujahan baharu daripada agensi kerajaan dalam memastikan pentadbiran terus berdaya tahan demi memelihara kemakmuran rakyat.

Saya percaya bahawa segala perancangan dan penyusunan strategik yang telah dibuat oleh MBBJ ini telah diteliti dengan sebaiknya dengan mengambil kira pendekatan baharu sesuai dengan situasi terkini negara.

Akhir kata saya mendoakan agar warga kerja MBBJ diberikan keiltizaman kecekalan dan muafakat dalam sama sama meneruskan kejayaan yang telah dicapai sehingga ke hari ini. Adalah diharapkan agar legasi kegemilangan yang dilihat hari ini dapat terus dikekalkan oleh warga kerja MBBJ pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih \



**Dato' Haji Azmi bin Haji Rohani**





## KATA ALU-ALUAN

### YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD DATUK BANDAR JOHOR BAHRU



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Bandaraya.

Syukur Alhamdulillah kerana dengan izin Allah SWT, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah berjaya merangka dokumen Pelan Strategik MBJB 2021-2025 bagi membentuk hala tuju yang cemerlang buat MBJB dan bandar raya Johor Bahru. Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab merancang dan membangunkan bandar raya Johor Bahru, semestinya satu hala tuju strategik yang jelas harus diwujudkan dan ditunjangi dengan objektif strategik dan strategi utama yang komprehensif dan selari dengan dasar Kerajaan Negeri seperti Pelan Pembangunan Mampan Johor 2021-2030, Tujuh Ikhtiar Makmur Johor, Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan dan sebagainya.

MBJB merupakan PBT yang pertama dinaik taraf kepada status Bandaraya di negeri Johor dan antara yang terawal di peringkat kebangsaan. Sesuai dengan hakikat itu, MBJB harus mencerminkan kematangan ini dengan melakukan anjakan yang lebih besar dalam menghadapi cabaran semasa dan menggalas harapan warga bandar raya yang menuntut penyampaian perkhidmatan kelas pertama. Saya yakin dan penuh percaya bahawa Pelan Strategik lima (5) tahun ini dapat memberi nafas baharu kepada organisasi selain memenuhi matlamat utama bagi merealisasikan Visi MBJB iaitu **Memperkuh Daya Tahan Johor Bahru Ke Arah Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa, Berbudaya Dan Lestari**. Jika sempurna pelaksanaannya, objektif strategik holistik yang dirangka dengan fokus yang bertumpu kepada pembangunan fizikal bandar raya dan juga sosio ekonomi warga bandar raya ini bukan sahaja dapat membangunkan bandar raya serta warganya, ianya juga dapat meningkatkan kredibiliti, imej dan reputasi MBJB secara keseluruhannya.

Akhir kalam, sekalung tahniah diucapkan kepada seluruh warga kerja MBJB yang terlibat di dalam proses merangka Pelan Strategik MBJB 2021-2025 ini. Besar harapan saya agar dokumen ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan menjadi rujukan warga kerja MBJB bagi mencapai visi yang telah ditetapkan. Tiada cara lain untuk menempa kejayaan selain daripada bekerja berpasukan dengan niat murni berkhidmat demi warga bandar raya Johor Bahru.

Terima kasih.

Dato' Haji Adib Azhari bin Daud

MEMPERKUKUH DAYA TAHAN JOHOR BAHRU KE ARAH BANDAR RAYA BERTARAF ANTARABANGSA, BERBUDAYA DAN LESTARI





Majlis Bandaraya Johor Bahru sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang kini kian mencabar, seiring dengan arus perubahan semasa sama ada dalam konteks nasional mahupun global. Banyak pembaharuan telah berlaku dalam perkhidmatan awam sejajar dengan harapan dan kehendak warga bandar raya serta pihak berkepentingan. Untuk mencapai kecemerlangan dalam sistem penyampaian perkhidmatan yang diharapkan oleh rakyat dan pihak berkepentingan, MBBB perlu mengambil pendekatan yang lebih strategik, responsif dan dinamik. Kecemerlangan perkhidmatan ini akan direalisasikan dengan pelan tindakan utama yang digariskan dalam Pelan Strategik MBBB 2021-2025.

Pelan Strategik MBBB 2021-2025 yang digubal merupakan dokumen yang menggariskan dasar dan hala tuju MBBB bagi tempoh lima (5) tahun mulai tahun 2021-2025. Terdapat Tujuh (7) Objektif Strategik yang telah dikenalpasti bagi tempoh lima (5) tahun. Kesemua Objektif Strategik ini disusun secara seimbang untuk memenuhi kehendak warga bandar raya, harapan besar daripada pihak berkepentingan dan juga untuk memastikan organisasi ini dapat diperkukuhkan bagi menghadapi masa hadapan yang lebih mencabar. Perancangan lima (5) tahun ini meliputi 12 fungsi dan peranan utama seperti perancangan dan kawalan pembangunan bandar raya, penyelenggaraan jalan raya yang komprehensif di dalam kawasan bandar raya, penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam serta perkhidmatan sokongan yang menjadi tulang belakang kepada MBBB.

Antara faktor yang perlu diberi penekanan adalah meningkatkan keterangkuman masyarakat, penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan, pemerkasaan pembangunan bandar raya, peningkatan penggunaan teknologi untuk memudahkan urusan, penerokaan sumber hasil yang baharu dan pengurusan Zon Antarabangsa yang berkesan. Turut tidak ketinggalan, pemerkasaan kelestarian budaya dan alam sekitar serta pembentukan jati diri Bangsa Johor turut diberikan penekanan dalam Pelan Strategik MBBB 2021-2025.



## RINGKASAN EKSEKUTIF

---

Justeru itu, MBBJ seharusnya dari semasa ke semasa menerapkan budaya organisasi yang boleh dibanggakan seperti gaya pengurusan serta penghayatan nilai-nilai bersama dalam kalangan pegawai-pegawainya, mementingkan pembelajaran berterusan dan mempunyai komitmen yang tinggi. Oleh itu, strategi sumber manusia perlu memberi penekanan kepada pembentukan budaya organisasi yang dapat meningkatkan imej yang positif demi kecemerlangan organisasi.

Malahan untuk mewujudkan sebuah organisasi cemerlang yang mampu untuk kekal relevan pada era globalisasi, MBBJ perlu menyediakan sumber manusia yang lebih responsif, dinamik dan inovatif serta berupaya 'berfikir di luar kotak' untuk menjadi organisasi cemerlang. Selain itu, pengurusan sumber manusia harus dapat menyediakan program-program latihan yang menumpukan kepada kemahiran berfikir secara strategik, kreatif dan inovatif serta memantapkan struktur organisasi bagi memenuhi keperluan perkhidmatan teras.

MBJB akan memastikan Pelan Strategik MBBJ 2021-2025 ini akan sentiasa progresif, responsif serta bersifat dinamik dalam merealisasikan visi MBBJ iaitu: **Memperkuh Daya Tahan Johor Bahru Ke Arah Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa, Berbudaya dan Lestari.**



BAHAGIAN 1

**PENGENALAN KEPADA  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**



# 1.1 LATAR BELAKANG

## MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Johor Bahru dahulunya dikenali juga dengan panggilan Tanjung Puteri merupakan sebuah bandar yang mula dibuka pada tahun 1855, oleh Temenggung Ibrahim, yang kemudiannya telah mengisytiharkan Tanjung Puteri kepada Iskandar Puteri. Pada tahun 1866, Sultan Abu Bakar yang menggantikan Temenggung Ibrahim telah menukarkan nama Iskandar Puteri kepada Johor Bahru dan seterusnya menjadikan bandar ini sebagai pusat pentadbiran baginda menggantikan Teluk Belanga di Singapura pada 1 Januari 1896. Sebagai sebuah pusat pentadbiran, pengurusan dan perkhidmatan bandar juga turut ditambah baik bersesuaian dengan perkembangan semasa. Ini dibuktikan apabila sebuah Lembaga Bandaran ditubuhkan pada tahun 1910.


Seterusnya pentadbiran Jabatan Lembaga Bandaran telah diubah kepada sistem Majlis Bandaran (Town Council) pada tahun 1956, yang membuka laluan ahli-ahli politik daripada pelbagai parti untuk turut serta dalam urusan pentadbiran bandar ini dan seterusnya pilihan raya pertama telah diadakan pada tahun tersebut. Pada tahun 1967, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah mengambil alih kuasa pentadbiran bandar Johor Bahru di bawah Seksyen 15 Enakmen Lembaga Bandaran 118.

Kerajaan telah menaik taraf bandar Johor Bahru kepada Majlis Perbandaran Johor Bahru dan telah memperluaskan kawasan pentadbiran daripada 64km<sup>2</sup> kepada 119.5km<sup>2</sup> pada 1 April 1977. Melihat kepada perkembangan pesat yang telah di alami oleh bandar raya Johor Bahru, pada tanggal 1 Januari 1994, kerajaan menerusi perisytiharan oleh Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Sultan Iskandar telah mengisytiharkan Majlis Perbandaran Johor Bahru kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru dalam majlis yang cukup bersejarah. Seiring dengan kenaikan taraf ini, MBBJ telah diberi tanggungjawab untuk mengurus serta mentadbir kawasan yang lebih luas dan sehingga Disember 2015, kawasan pentadbiran MBBJ adalah seluas 220km<sup>2</sup>. Bermula pada 1 Januari 2016, kawasan pentadbiran MBBJ telah diperluas kepada 391.25km<sup>2</sup> .



# PELUASAN KAWASAN PENTADBIRAN 1.2


## MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





# 1.3 CARTA ORGANISASI

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





**DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD**  
DATUK BANDAR



**HAJI MISWAN BIN YUNUS**  
SETIAUSAHA



**Ir. HAJAH NAZATUL SHIMA BT MOHAMAD**  
TIMBALAN SETIAUSAHA



**SENARAI KETUA JABATAN / KETUA BAHAGIAN**  
**MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**



**HAJI ABDUL AZIZ BIN ITHNIN**  
PENGARAH KHIDMAT PENGURUSAN

**MAZNIZAM BIN MOHD SAPUAN**  
PENASIHAT UNDANG - UNDANG



**HAJI AZMI BIN MISWAN**  
PENGARAH PENILAIAN &  
PENGURUSAN HARTA

**DATUK TPr. AFFENDI BIN AHAMAD**  
PENGARAH PERANCANGAN  
PEMBANGUNAN



**HAJI FADZIL BIN TALIB**  
PENGARAH PERBENDAHARAAN





## SENARAI KETUA JABATAN / KETUA BAHAGIAN

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



**Ir. HAJAH NAZATUL SHIMA BT MOHAMAD**  
PENGARAH KERJA AWAM



**Dr. HAJAH ASLINDA BINTI SALIKIN**  
PENGARAH KESIHATAN



**FADZLINA BINTI ABDUL MALEK**  
PENGARAH KORPORAT  
& PERHUBUNGAN AWAM



**ABD. RAHMAN BIN ABDULLAH**  
PENGARAH INTEGRITI



**MOHAMAD KHAIRULANUAR BIN ESA**  
PENGARAH PEMBANGUNAN  
MASYARAKAT



**SENARAI KETUA JABATAN / KETUA BAHAGIAN**  
**MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**



**HAZRIN BIN AHMAD**  
PENGARAH PELESENAN



**HAJI ABD JALIL BIN TASLIMAN**  
PENGARAH KAWALAN BANGUNAN



**SYAFINI BINTI MOHI**  
PENGARAH AUDIT DALAM



**MUHAMMAD FAIZ BIN A. RAZAK**  
PENGARAH PENGUATKUASA

**SENARAI KETUA JABATAN / KETUA BAHAGIAN**  
**MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**



**LAr. MUSTIKA ALLY BINTI ZULKIFLI**  
PENGARAH LANDSKAP



**MOHD RAFI BIN JASMAN**  
PENGARAH PENGANGKUTAN BANDAR



**ROSLI BIN YUSOP**  
KETUA UNIT PUSAT SEHENTI



**NORFARAHDILAH BINTI NGADEMİN**  
PENOLONG PESURUHJAYA BANGUNAN



# 1.4 FUNGSI DAN PERANAN

## MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



### 1

#### PERANCANGAN DAN KAWALAN PEMBANGUNAN BANDAR

Menentukan hala tuju dan trend pembangunan bandar raya Johor Bahru seiring dengan misi nasional dan visi pengantarabangsa Johor Bahru serta aktiviti memastikan pembangunan dilaksanakan Rancangan mengikut Pemajuan yang diwartakan.



### 2

#### PENYEDIAAN DAN PENYELENGGARAAN JALAN DI DALAM BANDAR RAYA

Penyelenggaraan jalan di dalam bandar raya yang komprehensif dengan penekanan terhadap aspek reka bentuk moden dan sistematik serta melaksanakan projek-projek pembinaan dan penyelenggaraan yang berkualiti.



### 3

#### PENYEDIAAN DAN PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN AWAM

Mengenalpasti keperluan dari segenap lapisan masyarakat dan menyediakan infrastruktur serta kemudahan awam yang terbaik buat warga bandar raya.



### 4

#### PENGUATKUASAAN PERUNDANGAN PERBANDARAN

Mendidik masyarakat dan warga bandar raya untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang diwujudkan.

Menguatkuasakan perundangan sebagaimana diperuntukkan di dalam Akta dan Undang-Undang Kecil bagi melahirkan sebuah bandar raya yang selamat dan sejahtera



### 5

#### MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN & KAWALAN KESIHATAN BANDAR RAYA

Majlis Bandaraya Johor Bahru menyediakan perkhidmatan perbandaran dan kesihatan awam yang profesional dan berkualiti selaras dengan Akta dan Undang-Undang Kecil yang dikuatkuasakan.



### 6

#### PENGINDAHAN DAN KECERIAAN BANDAR

Mewujudkan persekitaran bandar raya yang indah, selesa, selamat dan bersih serta menyediakan kemudahan rekreasi yang pelbagai.



7

**PENGURUSAN  
SISTEM SALIRAN  
MESRA ALAM**

Membangunkan infrastruktur saliran yang mesra alam bagi memastikan masalah banjir dapat diatasi dan menyediakan sistem perparitan yang berkualiti dan responsif seiring dengan keperluan pembangunan



8

**PENGURUSAN  
LALU LINTAS DAN  
PENGANGKUTAN  
AWAM**

Membangunkan sistem lalu lintas dan pengangkutan awam yang efisien, pintar dan sistematik bagi memberikan kepuasan pengguna jalan raya dan pejalan kaki



9

**PENGURUSAN CUKAI  
HARTA DAN SUMBER  
SUMBER HASIL  
SOKONGAN**

Menguruskan hasil cukai harta berdasarkan Peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di samping meningkatkan hasil melalui punca-punca hasil lain dalam mengukuhkan kedudukan kewangan.



10

**PEMBANGUNAN  
SOSIO EKONOMI  
BANDAR**

Memangkin pembangunan secara berkesan untuk meningkatkan taraf sosial dan ekonomi bandar raya Johor Bahru, melalui kerjasama bijak dengan pelbagai pihak termasuk pemaju, pengilang, peniaga dan sebagainya.



11

**PENGAWALAN AKTIVITI  
PERNIAGAAN MELALUI  
PENGELUARAN LESEN  
PERNIAGAAN**

Mengawal aktiviti perniagaan melalui pengeluaran lesen premis perniagaan dan iklan selaras dengan dasar dan undang-undang yang dikuatkuasakan.



12

**PEMBANGUNAN  
KEMASYARAKATAN**

Membangunkan satu masyarakat yang progresif di mana semua rakyat menikmati kesejahteraan hidup yang tinggi, di samping mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan negara.



# 1.5 MOTTO

## MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



### MESRA

Warga kerja MBBJ sentiasa mengamalkan sikap mesra, bersopan santun, senyum, bertimbang rasa, menyayangi dan menghormati.

### BERKHIDMAT

Melaksanakan kerja, usaha serta kemudahan dalam menabur bakti untuk kepentingan bandar raya Johor Bahru.

### JUJUR

Ketulusan dan keikhlasan hati dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik demi kepentingan orang ramai.

### BERBAKTI

Warga kerja MBBJ sentiasa berusaha menyediakan perkhidmatan yang berkualiti untuk warga bandar raya Johor Bahru.

### Akta-Akta

- Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171)
- Akta Jalan, Parit Dan Bangunan, 1974 (Akta 133)
- Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)
- Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)
- Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)
- Akta-akta lain yang diguna pakai oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru

### Undang-Undang Kecil

- Undang-Undang Kecil yang telah digubal di bawah peruntukan akta.

### Pekeliling

- Pekeliling-Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang ditimbalguna oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru

### Garis Panduan

- Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Johor Bahru





# 1.7 PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PELANGGAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Bagi mewujudkan satu tahap penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan, kami sentiasa peka kepada kehendak dan harapan yang digariskan oleh pihak berkepentingan dan para pelanggan Majlis Bandaraya Johor Bahru.







## BAHAGIAN 2

# SENARIO PERSEKITARAN DAN ISU-ISU STRATEGIK



## SENARIO PERSEKITARAN DAN ISU-ISU STRATEGIK





1

1. Peningkatan kualiti perkhidmatan perbandaran.
2. Kemudahan awam dan infrastruktur yang seimbang dan berkualiti.
3. Pemerkasaan ekonomi.
4. Pengukuhan kawalan persekitaran dan meningkatkan tahap kesihatan awam.
5. Pengurusan trafik yang sistematik.



## PERKHIDMATAN PERBANDARAN YANG EFISIEN MAJLIS BANDARYA JOHOR BAHRU

 PERKHIDMATAN PERBANDARAN	 KEMUDAHAN AWAM	 EKONOMI	 PERSEKITARAN DAN KESIHATAN	 TRAFIK
Memperluas pengurusan sistem peparitan di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru	Menyediakan 'Park And Ride' di lokasi Strategik	Memudahkan permohonan lesen premis	Memperbanyak inisiatif kawalan penyakit berjangkit di lokaliti 'hotspot'	Memperluas sistem kawalan lampu isyarat
Meningkatkan pengurusan saliran bandar	Meningkatkan bilangan tempat rekreasi dan riadah	Mewujudkan peluang perniagaan kepada penjaja	Mempertingkatkan kawalan kualiti kebersihan dan kesihatan awam di pasar dan gerai milik MBB	Mewujudkan rangkaian jalan raya yang efisien dan menyeluruh
Memperkasakan Lingkaran Hijau di kawasan MBB	Menaik taraf Tandas Sejahtera MBB	Mewujudkan ruang perniagaan yang strategik dan diwartakan	Pengurusan sisa pepejal berteraskan teknologi hijau di kawasan bandar raya	Kolaboratif dengan agensi awam dan swasta dalam menguruskan jaringan pengangkutan awam
Memantapkan pengurusan sisa pepejal bandar raya	Meningkatkan kemudahan dan bilangan fasiliti, gelanggang sukan, dewan dan perpustakaan	Penjanaan ekonomi melalui pengkomposan sisa landskap	Memperbanyak program-program membentuk gaya hidup sihat	Mempertingkatkan keselamatan pengguna jalan raya
Memantapkan pengurusan pokok teduhan dalam kawasan MBB	Menaik taraf laluan pejalan kaki mengikut piawaian rekabentuk sejagat (Universal Design)	Penjanaan ekonomi melalui pertanian bandar (Urban Farming)		
Memantapkan pengurusan penyelenggaraan infrastruktur jalan	Pemudah cara penyediaan pembangunan infrastruktur	Mengoptimalkan penggunaan kawasan lapang ke arah teknologi hijau		
		Menambah peluang perniagaan di fasiliti milik MBB		



# 2

1. Memperkukuh fungsi Johor Bahru sebagai bandar raya berdaya saing.
2. Bandar raya mampan dan selamat berteraskan bandar pintar dan masyarakat rendah karbon.
3. Bandar raya berorientasikan pengangkutan awam dan mesra pejalan kaki.
4. Memperkukuhkan fungsi Zon Antarabangsa dan *'Flagship A Iskandar Malaysia'*.
5. Meningkatkan keterangkuman dan keseimbangan dalam pembangunan bandar raya Johor Bahru.
6. Pengindahan dan penghijauan bandar raya Johor Bahru.



## PEMBANGUNAN BANDAR RAYA

### • MEMPERKUKUH FUNGSI JOHOR BAHRU SEBAGAI BANDAR RAYA BERDAYA SAING



Johor Bahru telah dipilih sebagai salah satu daripada empat (4) bandar raya utama yang perlu diperkasakan agar lebih berdaya saing seperti dinyatakan di dalam RMK-11

Justeru adalah penting untuk Majlis Bandaraya Johor Bahru menyemak semula plan pembangunan sedia ada bagi memastikan tahap kesesuaiannya pada masa kini bagi merealisasikan harapan untuk melihat Johor Bahru mampu memberikan saingan di peringkat antarabangsa dan menambah nilai kepada negara dalam konteks pembangunan dan pengukuhan ekonomi.

Pelan Induk Daya Saing Bandar Johor Bahru perlu dibangunkan dan ianya perlu bersifat komprehensif dengan memberikan penekanan kepada enam (6) elemen utama seperti yang dinyatakan di dalam rajah di sebelah.


Melalui pelaksanaan Pelan Induk tersebut, diharapkan bandar raya Johor Bahru akan menjadi lebih kompetitif dan mampu meletakkan bandar raya Johor Bahru sebaris bukan sahaja dengan bandar raya lain di rantau Asia bahkan di peringkat yang lebih tinggi. Ini sekali gus akan merangsang pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dan membuka ruang yang lebih cerah untuk membentuk kemakmuran dan kesejahteraan kepada warga bandar raya ini.

# PEMBANGUNAN BANDAR RAYA



## • BANDAR RAYA MAMPAN DAN SELAMAT BERTERASKAN BANDAR PINTAR DAN MASYARAKAT RENDAH KARBON.

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pelaksanaan 'Smart City' serta penerapan ke arah masyarakat rendah karbon dapat menangani isu-isu perbandaran, meningkatkan tahap kualiti hidup, pertumbuhan ekonomi dan alam sekitar ke arah menjadikan Johor Bahru sebagai bandar mampan dan selamat.





## PEMBANGUNAN BANDAR RAYA

- BANDAR RAYA BERORIENTASIKAN PENGANGKUTAN AWAM DAN MESRA PEJALAN KAKI

Sistem pengangkutan awam yang cekap disokong oleh laluan pejalan kaki yang kondusif akan menjadi nadi dalam memudahkan pergerakan masyarakat serta dapat meningkatkan ekonomi bandar.



LALUAN DAN PERKHIDMATAN AWAM YANG EFISIEN DAN MENCUKUPI



BANDAR RAYA YANG DAPAT DIAKSES DENGAN CARA YANG LEBIH MESRA ALAM DAN EKONOMIKAL SERTA MEMACU GAYA HIDUP YANG LESTARI



KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR UNTUK PEJALAN KAKI YANG SELAMAT




- MEMPERKUKUHKAN FUNGSI ZON ANTARABANGSA DAN *FLAGSHIP A* ISKANDAR MALAYSIA

## KAWASAN ZON ANTARABANGSA

Nodus-nodus pembangunan katalis bagi membolehkan **dasar-dasar strategik tertentu** terhadap **warga asing** untuk tinggal dan menjalankan aktiviti perniagaan dengan **penyediaan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti** tinggi dalam menyumbang pertumbuhan ekonomi dan gaya hidup yang vibran



KEDUDUKAN KAWASAN ZON ANTARABANGSA DI DALAM *FLAGSHIP A* ISKANDAR MALAYSIA



## BAGI KAWASAN PENTADBIRAN MBJB

**KELUASAN : 5,064 ekar**

Nodus Sg Tebrau – 2,470 ekar

Nodus Sg Skudai – 1,152 ekar

Nodus JBCC (Pusat Bandar) – 1,158 ekar

Johor Golf Country Club – 283.9 ekar

**KORIDOR PERAIRAN**

**KORIDOR DARATAN**


**Jumlah = 28,468.37 ekar**



## PEMBANGUNAN BANDAR RAYA

- MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KESEIMBANGAN DALAM PEMBANGUNAN BANDAR RAYA JOHOR BAHRU

Perancangan dan pembangunan mengambilkira kepada kepentingan perkembangan manusia dalam pembangunan negara. Perancangan dan pembangunan harus mampu mewujudkan persekitaran kehidupan bermasyarakat yang serba lengkap, memupuk semangat kejiwaan dan kekeluargaan serta menggalakkan integrasi di kalangan pelbagai lapisan masyarakat.





# DASAR PELAN INDUK LANDSKAP 2021-2030

1

## Membangunkan Organisasi Dan Sumber Manusia Kompeten Untuk Pembangunan Lanskap Negara

- Memastikan pembangunan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran, dan profesional dalam bidang lanskap di peringkat nasional dan antarabangsa.

2

## Memantap Dan Mempertingkatkan Kualiti Lanskap Bagi Mencapai Matlamat Negara Taman Terindah

- Merancang dan membangunkan lanskap kawasan perbandaran yang mempunyai karakter lanskap yang tersendiri harmoni dan mampan.

7

## Peranan Lanskap dalam mengatasi Covid-19

- Memastikan Garispanduan penggunaan taman rekreasi mematuhi SOP yang telah ditetapkan.
- Setiap pembangunan dan naiktaraf kawasan rekreasi mengambil faktor rekabentuk yang dapat menjaga penjarakan Covid.
- Fungsi kawasan Hijau dalam pengurusan kawalan pandemik Covid.

5

## Membudayakan Kecintaan Terhadap Lanskap

- Mendidik dan memupuk kesedaran masyarakat untuk menghargai Lanskap.

3

## Membangunkan Program Pembangunan Lanskap Bagi Penyediaan Struktur Hijau Yang Berfungsi Dan Mampan

- Menggalakan program pembangunan lanskap yang mudah ditiru dan mampan untuk mencapai matlamat Negara Taman Indah.

6

## Menyediakan Perundangan, Perundangan, Peraturan Dan Penguatkuasaan Lanskap

- Menilai semula dan mengubal perundangan yang berkaitan lanskap. Memacu Lanskap Negara - Memajukan penyellidikan dan pembangunan (R&D) Lanskap.

4

## Memelihara Lanskap Semula Jadi Sebagai Khazanah Negara

- Mengurus dengan rasmi keaslian lanskap semula jadi. Mengenal pasti dan memajukan lanskap yang mempunyai nilai visual dan budaya.






## 2.3 PEMBANGUNAN KOMUNITI

### 3

1. Pembangunan komuniti secara komprehensif.
2. Peningkatan kesejahteraan komuniti menerusi ekonomi setempat.
3. Meneroka dan memperkasa komuniti digital.
4. Meningkatkan penglibatan komuniti dalam permuafakatan warga bandar raya Johor Bahru.





## PEMBANGUNAN KOMUNITI

### • PEMBANGUNAN KOMUNITI SECARA KOMPREHENSIF



### KESTABILAN EKONOMI SETEMPAT



- Menggunakan bajet MBBJ (Program LA21) – meneruskan program-program sedia ada dan perlu memastikan program yang dijalankan meninggalkan impak terhadap ekonomi setempat.
- Mengadakan “Memorandum Of Understanding” bersama syarikat-syarikat korporat / institusi pendidikan melaksanakan inisiatif “Corporate Social Responsibility” (CSR) di lokasi komuniti terpilih – MBBJ boleh menyediakan golongan sasaran / lokasi ; manakala syarikat korporat / institusi menjalankan program
- Menjalinkan kerjasama dengan agensi kerajaan / GLC yang lain contohnya Jabatan Pertanian, Perbadanan Usahawan Johor Berhad dll

### ELEMEN PENDIDIKAN DAN PENGETAHUAN UNTUK MEMBANGUNKAN EKONOMI SETEMPAT



- Menerapkan elemen pendidikan melalui taklimat-taklimat ‘cashless society’, peranan PBT, tanggungjawab peniaga / penjaja dan sebagainya kepada komuniti terpilih dengan kerjasama jabatan dalaman MBBJ dan sektor perbankan .
- Jabatan cakna akan skim-skim yang ditawarkan oleh agensi kerajaan / GLC yang lain untuk menyalurkan maklumat kepada komuniti
- Bimbingan yang berterusan

### PLATFORM EKONOMI SETEMPAT



- Menyediakan platform / ‘hotspot’ bagi aktiviti ekonomi setempat (kawasan tapak “food truck”/ pasar malam/ kebun kejiranan) di komuniti terpilih dengan kerjasama Ahli Majlis Zon (setahun sekali).
- Permohonan lesen secara berkelompok bagi sesuatu komuniti.



## PEMBANGUNAN KOMUNITI

### • MENEROKA DAN MEMPERKASA KOMUNITI DIGITAL

Taklimat Pendedahan dan "Hands On Training" antara penyedia aplikasi kewangan digital dan perniagaan.



Perkongsian pintar di antara penyedia e-Wallet, pihak perbankan dan komuniti perniagaan.



Program "Bridging Digital Divide". (Pendedahan penggunaan teknologi digital kepada kumpulan sasaran. (Perpustakaan Sultan Ismail dan Bahagian Teknologi Maklumat)



Memperkasa dan Memperluas penggunaan Perpustakaan e-Library.



Pelaksanaan kelas tambahan secara atas talian oleh Yayasan Bandaraya Johor Bahru



Menyediakan Wifi percuma di cawangan Perpustakaan Sultan Ismail bagi





# PEMBANGUNAN KOMUNITI

- MENINGKATKAN PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PERMUAFAKATAN WARGA BANDAR RAYA JOHOR BAHRU



## SUKAN & REKREASI



- ◊ Membangunkan fasiliti sukan dan rekreasi yang cukup untuk komuniti seperti perbanyakkan laluan pejalan kaki, gimnasium dan *'track jogging'*.
- ◊ Penjenamaan taman-taman awam sedia ada supaya tampak lebih segar dan mengikuti tren terkini.
- ◊ Menambah baik produk pelancongan taman rekreasi sedia ada.
- ◊ Membangunkan pakej-pakej pelancongan berasaskan sukan.

## PELANCONGAN



- ◊ Menjadikan bandar raya Johor Bahru bukan sahaja sebagai destinasi pusat membeli belah malah mewujudkan satu pusat pelancongan bandar bertemakan 'Johor' seperti mewujudkan satu lokasi/ di mana terdapat jualan produk yang dijadikan sebagai cenderahati kepada pelancong.
- ◊ *Corporate Social Responsibility (CSR)* bersama pemaju/ NGO dan sebagainya untuk mewujudkan pusat pelancongan di Johor Bahru.
- ◊ Penganjuran acara/ *'familiarisation trip'* (FAM trip).
- ◊ Membangunkan tarikan baharu *'urban adventure'*.
- ◊ Membangunkan pakej pelancongan bertema bandar raya Johor Bahru.

## JARINGAN INTERAKTIF KOMUNITI JALUR LEBAR



- ◊ Memudahkan jaringan jalur lebar/ perbanyakkan pemasangan kabel fiber bagi meningkatkan infrastruktur jaringan jalur lebar di kawasan yang sukar mendapat liputan internet.
- ◊ Membangunkan sistem pengkalan data maklumat pelancongan.
- ◊ Membangunkan kemudahan info pelancongan digital.



## 2.4 MEMPERKASA TADBIR URUS



4

1. Pendigitalan Tadbir Urus.
2. Perekayasaan perkhidmatan MBJB.
3. Pelan Transformasi PBT di hati rakyat.



Majlis Bandaraya Johor Bahru tidak ketinggalan menyahut seruan kerajaan dengan menjayakan salah satu daripada tujuh (7) Pelan Ikhtiar Makmur Johor iaitu *JOHOR DIGITAL MASTERPLAN*. Majlis Bandaraya Johor Bahru kini mengambil inisiatif memperkasa agenda pendigitalan dalam tadbir urus bagi merealisasikan menjadi negeri pintar menjelang 2025.



**SEMAKAN, PERMOHONAN  
DAN BAYARAN CUKAI HARTA,  
PELESENAN, SEWAAN,  
KOMPAUN, BIL PELBAGAI  
DAN PINDAH MILIK HARTA  
ATAS TALIAN .**



**Perbankan Internet**  
*Bank – bank utama di Malaysia*



**OSC 3.0 Plus Online**  
*Pengurusan Pusat Setempat  
secara atas talian*



**Portal GIS**  
*geojb.gov.my menyediakan  
maklumat kepada pengguna /  
rakyat*



**E-LIBRARY**  
*Aplikasi Perpustakaan  
Sultan Ismail*



**MBBJ Spot**  
*Aplikasi Mobil Kupon  
Parking*



**Johor Wifi**  
*Perkhidmatan Wifi  
percuma kepada rakyat*



**SnapNPay**  
*Aplikasi bayaran secara  
dalam talian*



**SISPAA**  
*Pengurusan Aduan  
daripada rakyat terus  
kepada Urusetia*



## MEMPERKASA TADBIR URUS

### • PENDIGITALAN TADBIR URUS

20

#### Modul ePBT Johor

##### ANTARANYA:

- Penilaian
- Cukai Harta
- Kompaun
- Lesen
- Sewa
- Perolehan
- Bil Pelbagai
- Pengurusan Akaun
- Deposit & Cagaran
- Pengurusan Kutipan
- Pelaporan SUK

13

#### PENGURUSAN DALAMAN

- eAplikasi
- ePRO Gaji
- ePRO Kehadiran
- eTNA
- eKlinik
- iAktiviti
- Banci Lesen Online
- Caruman Bantu Kadar
- Pemantauan Pembangunan Tanah Bersepadu
- eKK, eMM ( Sistem Pengurusan Mesyuarat)
- eKeperluanICT
- eSuntikan
- ImFile

5

#### PENGUATKUASAAN

##### SISTEM PENGURUSAN JABATAN PENGUATKUASAAN

- MyEMS
- VIT Sistem
- VT Console
- MyVIS
- IM-OVS



9

#### ORANG AWAM

- eKhidmat
- iPerolehan
- iEntry
- iAppointment
- iDelivery
- iTuntutan
- iMohon
- Sistem Kebenaran Operasi PKP
- eDasar

# MEMPERKASA TADBIR URUS

## • PENDIGITALAN TADBIR URUS



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU  
*Technology That Inspired*

CUKAI TAKSIRAN MBJB GEOJB WEB APP MBJB CARIAN PLOT TANAH LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN

SEMPAKAN PENTABIRAN FASILITI MBJB INFRASTRUKTUR KEMUDAHAN AWAM

PERNIAGAAN WIFI CCTV AGENDA TEMPATAN ZI

SALIRAN PEMBETUNGAN TEMPAT LETAK KERETA

RANCANGAN TEMPATAN DENGGI MAKLUMAT PEMBANDUHAN

Penafian: Majlis Bandaraya Johor Bahru tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan maklumat dalam laman ini.

Haki Cipta Terpelik © 2020 Majlis Bandaraya Johor Bahru.

09222

Portal GeoJB dibangunkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru sebagai pengurus bandar. Ia telah boleh diakses menerusi laman web [www.geojb.gov.my](http://www.geojb.gov.my) pada Ogos 2020.

Portal ini menggabungkan data daripada pelbagai jabatan dalam MBBJ serta pelbagai data lain yang berasaskan web. Portal ini juga diintegrasikan dengan Sistem Penilaian dan Pelesenan MBBJ di mana data dari kedua-dua sistem ini boleh ditunjukkan berdasarkan lokasi dengan menggunakan koordinat sebagai rujukan. Data dipamerkan dalam bentuk spatial, atribut dan juga dashboard iaitu data yang telah dianalisis.

Portal GeoJB juga merupakan salah satu inisiatif Bandar Pintar dan juga bandar Berdaya Tahan (Resilient City). Pelan Pengurusan Spatial Rancangan Fizikal Negara 3 2016 2020 mensasarkan setiap Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai kaedah pemantauan bandar yang berkesan iaitu Urban Observatory di mana Portal GeoJB memenuhi kriteria ini.



## MEMPERKASA TADBIR URUS

### • PEREKAYASAAN PERKHIDMATAN



#### PENDEKATAN PEMBELAJARAN

- Pembangunan keupayaan perlulah disokong dengan budaya organisasi yang mengutamakan penambahbaikan berterusan dan pembelajaran sepanjang hayat.
- Pembelajaran sepanjang hayat akan menjadikan warga kerja MJB lebih kompetensi dan berpeluang mencipta kemajuan dalam kerjaya masing-masing.
- Program latihan secara sistematik berasaskan keperluan amat penting dalam membangunkan kompetensi sumber manusia.
- Pendekatan pembelajaran kemahiran ini boleh dilakukan melalui 'on the job training' yang akan memberi pendedahan yang sebenar dan jitu terhadap kesempurnaan dalam merancang dan melaksanakan sesuatu tugasan.



#### PENGURUSAN BAKAT

- Keunggulan perkhidmatan yang disampaikan oleh sesebuah organisasi adalah bergantung kepada kekuatan sumber manusia dalam organisasi yang melibatkan kualiti bakat dan kepimpinan.
- Perubahan landskap kepelbagaian sumber manusia turut dipengaruhi oleh faktor globalisasi terutamanya aspek kemahiran, pengetahuan, budaya nilai, kepercayaan, sikap, personaliti dan gaya.
- Perkhidmatan MJB perlu disesuaikan dengan memiliki kepelbagaian bakat merentasi generasi yang mampu mencernakan idea, perspektif dan cara bekerja yang baharu.
- Pengurusan modal insan perlu bersifat lebih terbuka, fleksibel dan berdaya saing bagi menarik dan mengekalkan bakat terbaik untuk melonjakkan kualiti penyampaian perkhidmatan.



#### BUDAYA KERJA BERPRESTASI TINGGI

- Penerapan budaya kerja berprestasi tinggi dan persekitaran kerja yang kondusif boleh dicapai dengan mengutamakan etika dan nilai-nilai positif bagi mendorong warga kerja MJB memberi perkhidmatan terbaik.
- Usaha untuk membentuk budaya kerja berprestasi tinggi ini memerlukan komitmen semua warga kerja yang bersedia menerima dan melakukan perubahan bersesuaian dengan keperluan semasa dan masa hadapan.
- Perkhidmatan awam yang telus, profesional dan berintegriti akan dapat meningkatkan kebolehpercayaan warga bandar raya terhadap perkhidmatan yang diberikan. Oleh itu aspek tadbir urus yang baik berasaskan ketelusan, integriti dan keperibadian yang unggul dalam penjawat awam perlu diberi perhatian yang serius.
- Setiap tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan berasaskan prosedur, peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.



### KOMPETENSI PROFESIONAL

- Merupakan pengetahuan, kemahiran dan perilaku (behaviour) yang perlu dipunyai oleh semua warga kerja di MBBJ, tidak mengira gred jawatannya.
- Peningkatan modal insan berasaskan kompetensi dan profesional dilakukan agar dapat memberikan hasil yang sesuai dengan tujuan dan sasaran organisasi dengan standard kerjaya yang telah ditetapkan.
- Kompetensi yang dimiliki oleh seorang individu harus dapat mendukung pelaksanaan visi dan misi organisasi melalui kerjaya dan sinergi manusia di dalamnya.
- Oleh itu kerjaya individu dalam organisasi merupakan jalan dalam meningkatkan produktiviti organisasi.



### KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI

- Merupakan suatu gambaran kualiti kehidupan dan kesihatan mental yang dimiliki oleh seseorang individu.
- Aspek kesejahteraan psikologi meliputi enam (6) dimensi iaitu penerimaan diri, hubungan positif dengan orang lain, autonomi, penguasaan lingkungan, mempunyai tujuan hidup dan memiliki pertumbuhan peribadi.
- Warga kerja yang mempunyai kesejahteraan psikologi yang tinggi dapat melakukan penyesuaian diri dan mampu menerapkan kemampuan teknikal atau pengurusan untuk keberhasilan kerja dan mampu mencipta atau memanipulasi lingkungan melalui aktiviti fizikal dan mental.
- Kesejahteraan psikologi menghasilkan warga kerja yang lebih bahagia dan produktif. Oleh itu warga kerja yang tinggi lebih komited, sangat bekerjasama, mudah membantu rakan sekerja, menepati masa dan efisien, jarang tidak hadir dan bertahan lama dalam organisasi.
- Adalah menjadi keutamaan pihak pengurusan memastikan warga kerja memiliki tahap kesejahteraan yang tinggi agar misi memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan tercapai.




## MEMPERKASA TADBIR URUS

### • PELAN TRANSFORMASI PBT DI HATI RAKYAT

Bagi mendukung aspirasi semangat kerja berpasukan ke arah mewujudkan transformasi perkhidmatan PBT di peringkat nasional, MBBJ perlu memastikan bahawa setiap Objektif strategik dan strategi utama yang ada didukung dan diintegrasikan di dalam Pelan Strategik MBBJ 2021-2025.

Kesemua elemen harus diteliti dan rencana yang khusus perlu dibangunkan bagi memastikan gerak-kerja strategik dan bersinambungan berlaku di antara peringkat pusat dan PBT.



Sumber : Naskah Taklimat Pelan Transformasi PBT-KPKT





BAHAGIAN 3

**HALA TUJU STRATEGIK  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU  
2021-2025**

3



## 3.1 VISI DAN MISI

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

### **VISI**

Memperkukuh Daya Tahan  
Johor Bahru Ke Arah  
Bandar Raya Bertaraf  
Antarabangsa, Berbudaya  
Dan Lestari

### **MISI**

Mengukuhkan peranan organisasi sebagai **PEMACU** dan **PEMUDAH CARA STRATEGIK** yang **RESPONSIF** terhadap perubahan untuk semua pihak berkepentingan

Memastikan **PEMBANGUNAN BANDAR RAYA** yang **MAMPAN**, **SEJAHTERA** dan **MAKMUR** serta **TINGGI** jati diri **BUDAYA**.

Menyediakan **SISTEM PENYAMPAIAN YANG CEKAP**, **TADBIR URUS BERKREDIBILITI TINGGI**, **PENGURUSAN SUMBER** yang **BERKESAN** dan **TEKNOLOGI BERINOVASI** untuk manfaat warga bandar raya

**J** **JUJUR:** Ketulusan dan keikhlasan hati dalam melaksanakan tugas sentiasa menjadi keutamaan warga MJB.

**A** **AMANAH:** Warga MJB mempunyai ciri-ciri yang boleh dipercayai dalam setiap tanggungjawab yang diberikan.

**U** **UKHWAH:** Warga MJB ibarat keluarga besar yang bertolak ansur dan menjalin tali persaudaraan demi kejayaan MJB.

**H** **HEMAH:** Warga MJB sentiasa mengamalkan sikap berhati-hati, cermat, teliti dan bijaksana dalam setiap pekerjaan yang dilakukan.

**A** **AKAUNTABILITI:** Warga kerja MJB sentiasa bertanggungjawab terhadap sesuatu tindakan atau keputusan serta bersedia memberikan penjelasan yang diperlukan.

**R** **RESPONSIF:** Segera atau mudah memberi kerjasama atau reaksi terhadap sesuatu perkara menjadi amalan setiap warga MJB.

**I** **INOVATIF:** Warga MJB mempunyai pemikiran yang inovasi dan kreatif bagi mencipta sesuatu yang baharu demi meningkatkan mutu perkhidmatan.




## 3.3 OBJEKTIF STRATEGIK

PELAN STRATEGIK MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU 2021-2025






## PELAN STRATEGIK MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU 2021-2025





# 3.5 'HOUSE OF QUALITY'






**OBJEKTIF STRATEGIK 1**

